

Jakim alu-alukan tindakan MAIS

KUALA LUMPUR - Langkah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengharamkan penggunaan sijil dan logo halal milik syarikat swasta mendapat sokongan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jakim, Othman Mustapha berkata, pihaknya mengalu-alukan arahan yang telah dikeluarkan MAIS.

"Kebanyakan sijil halal yang dikeluarkan oleh syarikat swasta

didapati tidak memepati kriteria yang telah ditetapkan seperti syarat permohonan yang terlalu longgar.

"Jika sijil halal daripada syarikat swasta terus diberikan kepada pengusaha, tidak mustahil ini nanti boleh disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai arahan MAIS yang mengharamkan serta merta penggunaan sijil halal

yang dikeluarkan oleh syarikat swasta di negeri itu.

Othman menjelaskan, arahan itu dapat mengelakkan masyarakat terutama pengguna Islam daripada terus terkelir.

"Dengan premis makanan memiliki sijil halal sah yang dikeluarkan oleh Jakim dan Jabatan Agama Islam negeri selepas ini, orang ramai tentunya lebih yakin apabila berkunjung ke sesebuah premis makanan," katanya.



OTHMAN MUSTAPHA

Majlis Agama Islam Negeri sokong langkah tegas Selangor

KUALA LUMPUR - Hampir kesemua Majlis Agama Islam Negeri menyokong langkah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengharamkan sijil dan logo halal yang dikeluarkan syarikat swasta.

Rata-rata mereka berpendapat sudah tiba masa satu langkah proaktif dilakukan demi memastikan logo halal yang dikeluarkan majlis agama termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) diberi tempat sewajarnya.

Di Melaka, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) berseada mencanahi langkah MAIS. Timbalan Pengerusi MAIM, Ghazale Muhamad berkata, pihaknya tidak pernah mengiktiraf penggunaan logo halal yang dikeluarkan oleh syarikat swasta.

"Kami hanya memperakui sijil halal yang dikeluarkan Jakim dan Jabatan Agama Islam Me-

laka (JAIM).

"Walaupun begitu, ketiadaan peruntukan yang mewajibkan pengusaha menggunakan sijil halal daripada kedua-dua badan ini menyebabkan tiada sebarang tindakan dapat diambil kepada pengusaha yang menggunakan sijil halal yang dikeluarkan pihak swasta," katanya.

Ghazale memberitahu, pihaknya akan berjumpa dengan Jakim pada 15 Mac ini bagi membincangkan mengenai masalah penggunaan logo halal.

Di Pulau Pinang, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) tidak pernah mengiktiraf logo halal selain daripada yang dikeluarkan Jakim.

Pengarahnya, Sazali Hussein berkata, JHEAIPP telah lama menguatkuasakan penggunaan logo halal tersebut dan mengharamkan logo atau pensijilan halal yang dikeluarkan oleh

mana-mana syarikat swasta.

Di Johor, Pengarah Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Datuk Abdul Rahman Jaffar berkata, pihaknya sentiasa memantau secara berkala penggunaan logo halal di mana-mana premis di negeri itu.

Bagi Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) tegas dalam memastikan logo halal dikeluarkan mengikut piawaian sebenar dan hanya pihaknya bertanggungjawab mengeluarkan pengesahan itu.

Presuruhnya Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Shaikh Harun Ismail memberitahu, tindakan tegas penting bagi memastikan pengesahan halal dilakukan dengan cara yang betul dalam menentukan sesuatu produk benar-benar halal.

"Negeri ini tidak pernah melantik dan juga tidak bercadang untuk melantik mana-mana sya-

rikat untuk menggantikan JHEAT membuat pemeriksaan sebelum mengeluarkan sijil halal," katanya.

Bagi Perak, Penasihat Hal Ehwal Agama Islam Menteri Besar, Kapten (B) Datuk Mohd. Najmuddin Elias berkata, kerajaan negeri hanya mengiktiraf sijil pengesahan halal yang dikeluarkan Jakim.

Lain pula bagi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) yang mengatakan pihaknya tidak berhasrat menguatkuasakan penggunaan logo halal Jakim tetapi mengambil pendekatan mempromosikan logo itu di kalangan peniaga di negeri ini.

Pengarah JHEAINS, Johani Hassan berkata, buat masa ini pihaknya tidak mengambil langkah untuk menguatkuasakan penggunaan logo halal itu bagi membanding kes penipuan logo halal.